

# **Kemahiran Asas Sosial Kanak-Kanak Autisme Di Persekitaran Sekolah**

oleh

**Vijayen a/l Gopal**

Maktab Perguruan Keningau, Sabah

[vjvas@tm.net.my](mailto:vjvas@tm.net.my)

## **ABSTRAK**

*Kajian kes ini bertujuan untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu a) apakah kemahiran asas sosial yang telah oleh kanak-kanak autisme. b) apakah kemahiran-kemahiran asas sosial yang belum dikuasai oleh kanak-kanak autisme, dan c) apakah faktor-faktor yang membolehkan kanak-kanak autisme berupaya menguasai dan tidak menguasai kemahiran asas sosial mengikut pandangan guru. Tiga kanak-kanak autisme di Sekolah Kebangsaan Bukit Padang, Kota Kinabalu, Sabah, dipilih sebagai subjek dan tiga orang guru yang mengajar subjek-subjek ini ditemubual. Kajian ini berfokus kepada lima kemahiran asas sosial sahaja. Kaedah pemerhatian dan temubual dengan instrument senarai semak dan soalan terbuka digunakan. Dapatan kajian menunjukkan kelima-lima kemahiran asas sosial dikuasai oleh subjek tetapi belum menguasai beberapa sub kemahiran. Dapatan temubual menunjukkan faktor guru, persekitaran, rakan sebaya, dan kaedah mengajar membolehkan penguasaan kemahiran-kemahiran asas sosial. Sebaliknya faktor kekurangan pendedahan mengenai autisme dan kaedah mengajar yang khusus, pertukaran guru dan kekurangan pengetahuan ibu bapa mengenai autisme menghalang penguasaan kemahiran asas sosial.*

## **PENGENALAN**

Kemahiran sosial amat penting dalam kehidupan manusia dan dipelajari sejak kecil. Kemahiran asas sosial yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak ialah kemahiran: menarik perhatian orang lain, berkongsi dan memberi, meminta dan bertanya, memberi idea dan memuji atau memberi penghargaan. Malangnya terdapat kanak-kanak yang tidak dapat mempelajari untuk berinteraksi secara positif dengan rakan sebaya mereka. (Simpson et al. 1991; Sewell 1998). Kanak-kanak ini tidak dapat mempelajari kemahiran-kemahiran sosial dengan sendiri dan juga dikenali sebagai kumpulan bermasalah pembelajaran (Kurikulum Program Bermasalah Pembelajaran Peringkat Rendah 1999). Satu kumpulan pelajar yang menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran asas sosial ialah kanak-kanak autisme.

Autisme merujuk kepada gangguan perkembangan pervasif (*pervasif developmental disorder*). Menurut American Psychiatric Association (1994), gangguan ini berkisar pada tiga perkara utama iaitu gangguan interaksi sosial, komunikasi dan tingkah laku berulang yang stereotip dan terhad. Menurut Trevarthen et al. (1998) hampir kesemua kes autisme menghadapi gangguan interaksi sosial, masalah kemahiran berkomunikasi dan aspek imaginasi. Namun begitu, tahap gangguan ini tidak sama di

antara satu individu autisme berbanding yang lain (Wing 1976). Kanak-kanak autisme kategori teruk menghadapi masalah yang serius berbanding dengan kanak-kanak autisme kategori ringan dan berfungsi tinggi (Jordan 1997).

Kemahiran sosial merupakan satu ciri autisme yang penting (American Psychiatric Association 1994). Defisit sosial yang wujud dalam diri kanak-kanak autisme ini amat serius, memandangkan kemahiran sosial sebagai alat yang penting dalam kehidupan setiap individu (Ball 1996). Di Malaysia, kanak-kanak autisme mengikuti program percantuman. Walaupun kanak-kanak autisme telah didedahkan dengan kemahiran-kemahiran ini di sekolah, tetapi penggunaan kemahiran-kemahiran ini dalam situasi yang tepat dengan cara yang betul masih menjadi persoalan. Oleh itu satu kajian bagi mengenalpasti kemahiran-kemahiran sosial asas yang telah dan belum dikuasai oleh kanak-kanak autisme dan penggunaannya di persekitaran sekolah adalah amat diperlukan. Kajian ini merupakan kajian lanjutan kepada cadangan Ball (1996) dalam kajiannya supaya satu kajian dalam generalisasi kemahiran sosial kanak-kanak autisme perlu dijalankan.

### **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini adalah bertujuan: a) untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran asas sosial yang telah dikuasai oleh kanak-kanak autisme b) untuk mengenal pasti kemahiran-kemahiran asas sosial yang belum dikuasai oleh kanak-kanak autisme dan c) untuk mengenal pasti faktor-faktor yang membolehkan kanak-kanak autisme menguasai dan tidak menguasai kemahiran asas sosial mengikut pandangan guru.

### **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini berfokus kepada tiga soalan kajian yang berikut:

- a. Apakah kemahiran-kemahiran asas sosial yang telah dikuasai oleh kanak-kanak autisme.
- b. Apakah kemahiran-kemahiran asas sosial yang belum dikuasai oleh kanak-kanak autisme.
- c. Apakah faktor-faktor yang membolehkan kanak-kanak autisme berupaya menguasai dan tidak menguasai kemahiran-kemahiran asas sosial mengikut pandangan guru?

### **TINJAUAN LITERATUR**

Kajian-kajian memberikan panduan kepada golongan professional untuk mencuba pelbagai teknik dalam mengubah tingkahlaku kanak-kanak autisme (McClannahan & Krantz 1999). Kajian-kajian membuktikan bahawa tingkahlaku kearah meningkatkan interaksi kanak-kanak autisme dapat dijalankan. Namun begitu tahap pencapaian diperolehi mungkin berbeza mengikut tahap dan kategori kanak-kanak autisme yang diajar (Wing 1976; Barbara 1989). Peningkatan dalam tingkahlaku dalam kajian-kajian menyokong kenyataan Sharyn (1997) yang mengatakan bahawa program terapi dapat meningkatkan dan menggantikan tingkahlaku yang tidak sesuai dengan tingkahlaku sesuai (Thacker 1996).

Kajian Ball (1996) berfokus kepada meningkatkan interaksi sosial dengan menggunakan rakan sebaya. Kajian ini menggunakan lapan orang kanak-kanak autisme pra sekolah. Kanak-kanak ini diajar dalam kelas yang mempunyai lapan lagi pelajar normal yang sebaya. Sistem stesyen digunakan untuk mengajar kemahiran akademik. Aktiviti kumpulan digunakan untuk mengajar konsep asas dan masa main digunakan untuk mengajar kemahiran sosial. Kumpulan kecil digunakan untuk menggalakkan interaksi kanak-kanak autisme dengan rakan sebaya yang normal. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah 'skill streaming', rakan sebaya dan bantuan kumpulan.

Dapatan kajian Ball (1996) menunjukkan bahawa tujuh daripada lapan kanak-kanak autisme menunjukkan peningkatan dalam aspek kontek mata, kemahiran bermain secara selari dan simbolik, ikut giliran dan respon-respon secara lisan dan bukan lisan. Ball (1996) mendapati, penggunaan rakan sebaya sebagai model dalam mengajar kemahiran sosial memberikan kesan yang tinggi dalam mengekalkan integrasi kanak-kanak di dalam bilik darjah.

Dougen (1994) mengkaji penggunaan teknik pengajaran secara 'incidental' untuk mengajar cara bertanya yang sesuai dengan menggunakan rakan sebaya kurang upaya. Dapatan menunjukkan bahawa pengajaran dengan teknik ini sangat efektif dalam meningkatkan kemahiran bertanya dengan cara yang sesuai. Teknik ini juga menghasilkan peningkatan dalam generalisasi. Penggunaan teknik ini bukan sahaja meningkatkan cara bertanya yang sesuai malah tahap vokalisasi subjek turut meningkat dan dikekalkan tanpa latihan. Peningkatan dalam interaksi juga berlaku disebabkan oleh pengukuhan positif yang diperolehi bagi setiap cubaan yang betul.

Kajian O'Neill dan Baker (2001) melihat potensi kesan generalisasi daripada latihan komunikasi berfungsi dan peranan kemungkinan tingkah laku bermasalah dan bersesuaian untuk mencapai tahap komunikasi berfungsi. Dua sampel kanak-kanak autisme kategori teruk dan ketidakupayaan intelek kategori teruk digunakan. Kedua subjek ini tidak mempunyai tingkah laku komunikatif berfungsi dan mengikut arahan lisan langkah demi langkah serta penyegeraan secara lisan dan fizikal. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujud pengurangan dalam tingkah laku negatif dan berlaku peningkatan dalam kemahiran bertanya atau meminta untuk berehat tanpa galakan. Selain itu, terdapat generalisasi tingkah laku dalam situasi yang lain.

## **DEFINISI OPERASIONAL**

Kajian ini telah menggunakan dua istilah yang khusus secara meluas. Istilah-istilah yang digunakan ialah kemahiran sosial dan persekitaran sekolah.

### **Kemahiran Sosial**

Menurut Philip (1991) kemahiran sosial membawa maksud tingkah laku-tingkah laku yang prihatin untuk melakukan perhubungan interpersonal yang efektif. Sebaliknya Thacker (1996) pula mendefinisikan kemahiran sosial sebagai keupayaan untuk berkomunikasi secara efektif dengan individu lain dalam situasi sosial atau kerja. Istilah kemahiran sosial yang digunakan dalam kajian ini bermaksud keupayaan untuk menghasilkan tingkahlaku-tingkahlaku atau respon-respon yang sesuai secara lisan atau bukan lisan dalam proses berinteraksi tanpa menyakitkan perasaan orang lain.

### **Persekitaran Sekolah**

Dalam kajian ini, istilah persekitaran sekolah merujuk kepada ruangan di dalam kelas, ruang permainan dan kantin sekolah sahaja. Pengkaji menghadkan ruangan persekitaran sekolah bagi memudahkan proses pemerhatian yang dijalankan. Ketiga-tiga ruangan yang dinyatakan adalah tempat yang sesuai untuk melihat kemahiran asas sosial yang dipamerkan oleh kanak-kanak autisme.

## **METHOD**

### **Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan kajian kes 'multi-case'. Reka bentuk 'multi-case' dipilih supaya dapat melakukan perbandingan antara kes.

### **Subjek Kajian**

Sejumlah tiga pelajar lelaki autisme dan tiga orang guru dipilih sebagai sampel kajian secara persampelan bertujuan Subjek-subjek kajian dikenal pasti dengan bantuan guru. Subjek dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria. Kriteria utama ialah kehadiran pelajar dan murid autisme kategori ringan.

Subjek pertama ialah seorang kanak-kanak lelaki yang bernama Ah Meng. Subjek ini berumur sepuluh tahun. Subjek ini berupaya untuk berkomunikasi dengan rakan dan guru pada tahap rendah. Subjek kedua ialah seorang kanak-kanak lelaki yang bernama Tan. Subjek ini berumur sepuluh tahun dan dikenal pasti sebagai autisme kategori sederhana melalui penilaian klinikal oleh pakar professional. Subjek ini juga berkeupayaan untuk berinteraksi dengan rakan dan guru pada tahap yang sederhana dan subjek yang ketiga ialah seorang kanak-kanak lelaki yang bernama Mark. Subjek ini berumur sembilan tahun. Subjek ini dikenal pasti sebagai autisme kategori sederhana. Subjek ini berupaya untuk berinteraksi dengan rakan dan guru pada tahap yang sederhana.

Tenaga pengajar subjek seramai tiga orang dipilih secara persampelan bertujuan untuk ditemubual. Guru-guru ini juga dipilih kerana mempunyai hubungan yang erat dan mengenali subjek kajian secara mendalam dalam aspek kemahiran asas sosial dan merupakan pelaksana kurikulum pendidikan khas.

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu senarai semak dan soalan terbuka. Senarai semak digunakan dalam pemerhatian untuk mengumpul data mengenai kemahiran-kemahiran asas sosial yang digunakan oleh kanak-kanak autisme dalam interaksi di kalangan pelajar dan dengan guru di persekitaran sekolah. Senarai semak ini dibina dengan mengadaptasi tingkahlaku-tingkahlaku kemahiran-kemahiran asas sosial daripada senarai semak McClellan dan Katz (2001), Artwood dan Gray (1999) dan Strain et al. (1998).

### **Soalan Terbuka**

Empat soalan terbuka telah digunakan dalam temubual. Soalan-soalan itu adalah berkaitan dengan pandangan guru mengenai kemahiran asas sosial, kemahiran-kemahiran sosial yang sudah dikuasai, belum dikuasai, faktor-faktor yang membolehkan kanak-kanak autisme menguasai dan tidak menguasai kemahiran-kemahiran sosial.

### **Prosedur Mengumpul Data**

Kajian ini dijalankan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Pertama, mengadakan latihan bagi empat orang pemerhati yang dipilih. Latihan berfokus kepada peraturan-peraturan pemerhatian, tujuan kajian, fokus pemerhatian, kemahiran-kemahiran asas sosial dan tingkahlaku-tingkahlaku yang sesuai, penggunaan senarai semak dan cara mengisi senarai semak. Latihan tahap kedua ialah latihan mengumpul data dalam situasi sebenar sehingga kebolehpercayaan antara pemerhatian mencapai sekurang-kurangnya 0.8.

Setiap pemerhatian dijalankan selama 30 minit untuk tempoh tiga minggu. Pemerhati diberi masa berehat selama 30 minit di antara setiap sesi pemerhatian untuk mengelakkan keletihan. Pemerhatian dijalankan sebanyak 16 bagi setiap persekitaran (lapan kali di bilik darjah dan lapan kali pada waktu rehat) bagi setiap subjek. Selepas setiap sesi pemerhatian, senarai semak dikumpul dan direkodkan. Selepas sesi pemerhatian yang kelapan, satu latihan diadakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan antara pemerhati tetap diperingkat yang tinggi.

### **Prosedur temubual**

Temubual yang dirakamkan dijalankan mengikut jadual temubual yang ditetapkan. Pengkaji telah menyediakan transkrip verbatim dan ketepatan maklumat disahkan oleh guru-guru yang ditemubual.

### **Analisis Data**

Data yang dikutip melalui pemerhatian dianalisis berdasarkan senarai rekod senarai semak yang digunakan. Sebaliknya data yang diperolehi melalui temubual dianalisis setelah ditranskripsikan.

### **Analisis data pemerhatian**

Data pemerhatian dipisahkan kepada dua bahagian iaitu di dalam kelas dan pada waktu rehat mengikut subjek A, B dan C. Kekekapan pelajar mempamerkan tingkah laku kemahiran asas sosial bagi setiap kemahiran yang berlainan dijumlahkan. Data kemahiran asas sosial ini dilaporkan dari aspek kemahiran asas sosial yang paling kerap dipamerkan dan kemahiran sosial yang mana yang kurang dipamerkan atau tidak dipamerkan. Kekekapan dalam mempamerkan kemahiran-kemahiran asas sosial ini akan menentukan kemahiran yang sudah dikuasai dan yang belum dikuasai oleh subjek A, B dan C.

### **Analisis temubual**

Data yang dikumpul melalui temubual dianalisis dengan menggunakan sistem koding dengan menginterpretasikan transkrip untuk menentukan tema (Miles dan Huberman 1994). Setiap kod yang disediakan diberi definisi operasi dari perspektif kajian pengkaji. Perbandingan secara berterusan digunakan untuk menganalisa data (Gay 1996). Pekali persetujuan Kohen-Kappa digunakan untuk menentukan nilai persetujuan penilai terhadap definisi operasi pengkaji. Seterusnya, pengkaji membuat pentafsiran data secara deskriptif dan penerangan. Data temubual akan dibandingkan dengan data pemerhatian.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Kemahiran-Kemahiran Asas Sosial Yang Telah Dan Belum Dikuasai**

Dapatan kajian ini diperolehi melalui pemerhatian dengan menggunakan senarai semak (Lampiran A). Alpha kebolehpercayaan antara pemerhati yang diperolehi untuk subjek pertama ialah 0.94 (Ah Meng), 0.95 (Tan) dan 0.95 (Mark).

#### **Kemahiran menarik perhatian orang lain**

Kemahiran ini telah dikuasai oleh ketiga-tiga subjek. Namun begitu Tan lebih menguasai dan menggunakan kemahiran ini berbanding dengan Ah Meng dan Mark. Sub kemahiran yang melibatkan lisan selain daripada memanggil nama dikuasai oleh Ah Meng berbanding dengan Tan dan Mark walaupun hanya dua kali. Dapatan ini juga selari dengan kenyataan guru bahawa Ah Meng boleh berinteraksi yang memerlukan kemahiran menarik perhatian.

#### **Kemahiran Berkongsi Dan Memberi**

Ketiga-tiga subjek telah menguasai kemahiran ini. Namun begitu Tan lebih menguasai kemahiran ini berbanding dengan Ah Meng dan Mark kerana telah mempamerkan kesemua sub kemahiran. Ah Meng dan Mark tidak memperlihatkan kemahiran lisan seperti “nah dan ambillah”. Ini mungkin disebabkan lisan digantikan dengan tindakan menghulurkan tangan dengan benda ataupun dengan tindakan mengangguk kepala tanda memberi (Jordan, 1997). Sub kemahiran melimat mata diperlihatkan sebanyak 65 kali oleh Ah Meng, 29 kali oleh Tan dan 52 kali oleh Mark. Memanggil nama rakan digunakan oleh semua subjek, mungkin disebabkan mudah.

#### **Kemahiran bertanya dan meminta**

Bagi kemahiran ini Tan dan Mark telah mempamerkan penguasaan berbanding dengan Ah Meng yang tidak memperlihatkan sebarang sub kemahiran pada waktu rehat. Ini mungkin disebabkan oleh Ah Meng memerlukan persekitaran yang berstruktur. Bagi kes Mark pula kenyataan guru yang mengatakan Mark belum menguasai kemahiran bertanya atau meminta adalah bertentangan dengan dapatan pemerhatian. Selain itu Ah Meng telah menghulur tangan untuk meminta sebanyak 10 kali di dalam bilik darjah. Tan pula telah menggunakan bahasa lembut sebanyak 31 kali di dalam bilik darjah dan 33 kali pada waktu rehat. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Ball (1996) yang mendapati aktiviti yang diwujudkan di dalam bilik darjah dapat meningkatkan kemahiran lisan.

#### **Kemahiran memberi idea**

Dalam kemahiran ini Tan dan Mark menunjukkan penguasaan menyeluruh berbanding dengan Ah Meng yang tidak mempamerkan dua daripada empat sub kemahiran yang melibatkan lisan. Namun begitu Ah Meng telah beritahu apa boleh buat sebanyak 37 kali di dalam bilik darjah dan 24 kali pada waktu rehat dan sub kemahiran memberitahu apa yang boleh buat atau dilakukan dipamerkan sebanyak 22 kali di bilik darjah berbanding dengan hanya dua kali dipamerkan pada waktu rehat. Tetapi, Ah Meng tidak langsung mempamerkan sub kemahiran suruh ikut yang dibuat atau dilakukan di dalam bilik darjah mahupun pada waktu rehat. Keadaan ini mungkin disebabkan tidak wujud keperluan untuk tindakan menyuruh ikut. Dapatan ini adalah

selari dengan kajian Paweni dan Rubovits (2000) yang mendapati aktiviti permainan dapat menggalakkan kemahiran memberi idea.

### **Kemahiran memberi dan menerima pujian dan penghargaan**

Kemahiran memberi dan menerima pujian dan penghargaan mengandungi lapan sub kemahiran. Bagi kemahiran ini pula Ah Meng telah mempamerkan penguasaan yang menyeluruh berbanding dengan Tan dan Mark. Kesemua sub kemahiran yang terlibat telah digunakan oleh Ah Meng kecuali mengucap terima kasih. Kemahiran yang menonjol dan dipamerkan oleh Ah Meng ialah memberi senyuman iaitu sebanyak 11 kali dalam bilik darjah berbanding dengan bilangan tingkahlaku ini dipamerkan pada waktu rehat iaitu sebanyak tujuh kali. Sebaliknya Tan pula tidak mempamerkan sebarang sub kemahiran pada waktu rehat. Selain itu Tan juga tidak mempamerkan sub kemahiran peluk rakan dan 'high five'.

### **Pandangan guru mengenai faktor-faktor yang membolehkan kanak-kanak autisme menguasai kemahiran asas sosial**

Dapatan temubual mempunyai Alpha kebolehpercayaan 0.86. Ketiga-tiga guru berpendapat bahawa kemahiran sosial utama yang perlu ada pada kanak-kanak autisme ialah pengurusan diri. Selain itu, kemahiran menegur rakan dan guru juga perlu. Ini,ungkin disebabkan oleh syarat pendidikan khas yang menetapkan pengurusan diri sebagai satu faktor membolehkan pelajar khas memasuki sekolah.

Faktor utama yang menentukan penguasaan kemahiran asas sosial kanak-kanak autisme ialah guru. "Walaupun hanya satu guru saja yang 'handle' dia tapi semua guru tau apa masalah dia ..macam jawapan dia tidak betulkan. Cikgu akan bagitau dia cara menjawab dengan betul". Guru dapat memahami tingkah laku murid dan tahu cara menanganinya. Guru yang lain daripada guru pendidikan khas juga membuat pengajaran secara 'incidental' di persekitaran sekolah apabila ternampak murid melakukan sesuatu dengan cara yang salah atau bercakap dengan cara yang tidak sesuai dengan situasi. Dapatan ini menyokong kajian Dougen (1994) yang mendapati penggunaan teknik pengajaran secara 'incidental' (incidental teaching) meningkatkan kemahiran bertanya. Selain itu, guru dapat mengeksploitasikan minat dan kesukaan pelajar dalam pengajaran.

Faktor kedua ialah pengajaran berbantuan visual atau gambar mengikut minat pelajar memberikan kesan. Kenyataan guru, "Kita ambil kira minat dia. Dia suka sangat dengan kereta. Kadang-kadang dia akan cakap benda lain, contohnya bila dia tengok gambar lalu lintas, dia cakap polis polis, ambulan ambulan. Maksudnya dia boleh beri idea dan dia tu ada hubung, maksudnya bila kemalangan, polis mesti ada, ambulan mesti ada ataupun kadang-kadang gambar api, dia tahu bomba. Dia akan cakap telefon bomba, telefon bomba". Guru juga berpendapat bahawa pemberian latihan serta tindakan latih tubi akan membolehkan kanak-kanak autisme menguasai kemahiran asas sosial (Charlop & Trasowech, 1991)

Faktor ketiga ialah rakan sebaya. Ketiga-tiga guru mendapati rakan sebaya di sekolah dapat meningkatkan penguasaan kemahiran asas sosial. Rakan sebaya dapat mengajar melalui interaksi dan membimbing dan mengajar cara yang betul kepada kanak-kanak autisme. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian Howlin dan Yates (1999), Pierce dan Schreibman (1995) dan kajian Pepperberg dan Sherman (2000) yang

mendapati penggunaan rakan sebaya adalah efektif dalam mengajar kemahiran sosial yang kompleks iaitu memulakan perbualan dan permainan dan meningkatkan tumpuan.

Faktor keempat ialah persekitaran dan kerjasama ibu bapa. Guru mendapati bahawa persekitaran sekolah yang menyediakan pelbagai kemudahan belajar dan galakan guru serta rakan sebaya yang sedia ada di sekolah memberikan peluang untuk kanak-kanak belajar dan menguasai kemahiran asas sosial. Guru-guru mendapati kanak-kanak autisme menguasai kemahiran-kemahiran sosial asas kerana tindakan ibu bapa yang bekerjasama dengan pihak sekolah dalam menjalankan tindakan susulan di rumah.

### **Faktor-faktor yang menyebabkan tidak menguasai kemahiran asas sosial.**

Ketiga-tiga orang guru mendapati terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kanak-kanak autisme tidak berupaya untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas sosial. Pertama, ialah kurang tumpuan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah. Kedua, guru-guru mendapati bahawa mengajar kanak-kanak autisme secara kumpulan adalah kurang berkesan berbanding dengan pendekatan individu (Sewell 1998). Sistem di sekolah yang menggunakan kumpulan akan menyebabkan kanak-kanak autisme tidak berupaya untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas sosial.

Ketiga, ialah kekurangan pendedahan mengenai autisme bagi guru-guru khas. Guru-guru tersebut berpendapat “kekurangan pendedahan mengenai autisme dan kaedah dan pendekatan mengajar kanak-kanak autisme menyebabkan guru hanya mengajar mengikut pengalaman, cuba jaya dan mengikut logik tanpa mengetahui sama ada cara itu betul atau salah. Di samping itu pengetahuan yang sama disebarkan kepada pihak ibu bapa”. Selain itu, pertukaran guru juga menyebabkan perubahan dalam kaedah dan pendekatan mengajar. Guru yang sebelum lebih memahami dan mengetahui cara-cara menangani masalah individu autisme. Perubahan ini akan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran dan pengasaan kemahiran asas sosial kanak-kanak autisme.

Keempat ialah faktor persekitaran di rumah. Faktor persekitaran dirumah tidak kondusif untuk pembelajaran. Ibu bapa tidak mempunyai pengetahuan mengenai autisme dan tidak tahu membantu kanak-kanak ini. Ini menyebabkan ibu bapa tidak dapat menjalankan tindakan susulan kepada aktiviti di sekolah. Di rumah juga kanak-kanak ini dibiarkan tanpa bimbingan dan galakan interaksi. Dapatan ini menyokong dapatan Ball (1996).

## **KESIMPULAN**

Dapatan kajian ini penting untuk semua pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan khas. Kajian ini menunjukkan kelima-lima kemahiran asas sosial yang dikaji telah dikuasai walaupun terdapat beberapa sub kemahiran dalam kemahiran-kemahiran tertentu belum lagi dikuasai sepenuhnya oleh subjek kajian. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan khas memerlukan kursus memerlukan kursus khas untuk bertindak lebih professional lagi. Kemahiran sosial perlu dimasukkan dalam Rancangan Pengajaran Individu (RPI) untuk memastikan pengajaran kemahiran asas sosial ini dilaksanakan. Adalah diharapkan melalui cara



ini harapan ibu bapa yang lebih berminat untuk mendapatkan peluang-peluang bagi anak-anak mereka membentuk persahabatan dan kemahiran sosial daripada pencapaian akademik dalam program perkhidmatan pendidikan khas akan tercapai (Zalizan Mohd Jelas 2000).

### **Batasan Kajian**

Kajian ini mempunyai batasan-batasannya yang tersendiri. Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah di negeri Sabah. Kedua, ialah kajian ini hanya menggunakan tiga subjek sahaja walaupun terdapat enam orang kanak-kanak autisme di lokasi ini. Ketiga, ialah ketiga-tiga subjek yang dipilih terdiri daripada kanak-kanak lelaki kerana ketiadaan kanak-kanak perempuan autisme di lokasi kajian ini. Ini menyebabkan perbandingan penguasaan kemahiran asas sosial antara jantina tidak dapat dilakukan. Keempat, ialah walaupun terdapat banyak kemahiran sosial, namun kajian ini hanya berfokus kepada lima kemahiran sahaja disebabkan oleh kekangan metod yang digunakan.

### **Implikasi Kajian**

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas sosial maka guru-guru pendidikan khas perlu diberikan kursus khas. Kemahiran berinteraksi secara lisan untuk memberi dan menerima pujian atau penghargaan perlu diberi penekanan. Pengajaran dan pembelajaran, khususnya mengenai kemahiran asas sosial perlu dijalankan dalam persekitaran berstruktur (Sewell 1998; Koegel & Koegel, 1995). Selain itu sesi pengajaran dan pembelajaran juga perlu dilaksanakan di dalam dan di luar kelas supaya generalisasi dapat dibuat dalam persekitaran yang lain.

### **Cadangan Kajian Lanjutan**

Kajian lanjutan perlu membuat replikasi di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negeri Sabah yang mempunyai latarbelakang suku kaum dan budaya yang berbeza. Selain itu, kajian lanjutan juga perlu memilih lebih daripada tiga subjek termasuk subjek perempuan. Pemilihan kanak-kanak perempuan autisme akan membolehkan pengkaji membandingkan tahap penguasaan kemahiran asas sosial di antara jantina.

## **BIBLIOGRAFI**

American Psychiatric Association. (1994). *Diagnostic criteria from DSM-III-R*. Washington D.C: American Psychiatric Association.

Artwood, T. & Gray, C. (1999). *Understanding and teaching friendship skills*. Available: <http://www.tonyartwood.com/paper3.htm>

Ball, J. (1996). *Increasing social interaction of preschoolers with autism through relationships with typically developing peers*. Available: <http://www.edrs.com/DocLibrary4/0397/ED400654.PDF>.

Barbara, P.(1989). *Growing towards independence by learning functional skills and behaviors. Funtional programming for people with autism*. Available <http://www.edrs.com/DocLibrary4/0394/ED363065.PDF>.

Charlop & Trasowesh. (1991). *Reseachers trained parents of children with autism to use a time delay procedure, a technique of behavior analysis, to increase spontaneous speech in natural occuring daily settings*. Available: <http://www.feat.org/autism/language.htm>

Dougen, F. (1994). Using incidental teaching by peers. <http://www.feat.org/autism/language.htm>

Gay, L.R. (1996). *Educational research competencies for analysis and application*. Ed. Ke 5. New Jersey: Prentice Hall.

Howlin, P. & Yates, P. (1999). The potencial effectiveness of social skills groups for adults with autism. *Autism*. **3**(3): 299 –307.

Jordan, R. (1997). *Education of Children and young people with autism. Guide for Special education no. 10*. Paris: Basic Education Div.

Koegel, R. L., & Koegel. L. K. (1995). *Teaching children with autism*. Baltimore: Brookes.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Kurikulum Program Bermasalah Pembelajaran Peringkat Rendah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

McClannahan, L. E & Krantz, P. J. (1999). *Topics in autism: Activity shedules for children with autism, teaching indipendent behavior*. Bethesda: Woodbine House.

McClellan, D. E. & Katz, L.G. (2001). *Young children's social development: a checklist*. Available: [http://www.ed.gov/databasesERIC\\_Digest/ed\\_356100.html](http://www.ed.gov/databasesERIC_Digest/ed_356100.html).

Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *An expanded sourcebook : Qualitative data analysis*. Ed. Ke 2. London: Sage Publication.

O'Neill, R. E. & Baker, M. S. (2001). Brief report: An assessment of stimulus generalisation and contingency effect in functional communication training with two students with autism. *Journal of Autism and Developmental Disorders*. **31**(2): 235–240.

Paweni, S.N & Rubovits, D. (2000). The power of play. *The exceptional parent*. **30**(10): 36 – 38.

Pepperberg, I. M. & Sherman, D. (2000). Proposed use of part interactive modelling as a mean to increase functional skills in children with a variety of disabilities. *Teaching and Learning in Medicine*. **12**(4): 213-220.

Pierce, K. & Schreibman, L. (1995). Increasing complex social behaviors in children with autism : effects of peer-implemented pivotal response training. *Journal of Applied Behavior Analysis*. **28**: 285–295.

Philip, W. (1991). *The special education Handbook. An introductory reference*. Philadelphia: Open University Press.

Sewell, K. (1998). *Breakthroughs: how to reach students with autism. A hands-on, how to manual for teachers and parents*. Verona: Attainmentt Company Inc.

Sharyn, N. (1997). *Autism, decade of the brain..* Available: <http://www.edrs.com/DocLibrary/0898/ED417566.PDF> .

Simpson, R. L., Myles, B. S., Sosso, G. M. & Kamps, D. M. (1991). *Social skills for students with autism*. Ed. Ke-2. Reston: The Council for Exceptional Children.

Strain, P. S., Danko, C. & Lawry, J. (1998). *Social skills classroom training packet*. Denver: University of Colorado.

Thacker, C. (1996). *Handbook on autism*. Available: <http://www.edrs.com/DocLibrary4/0797/ED404828.PDF> (29 Julai 2001).

Trevarthen, C., Aitken, K., Ppoudi, D. & Robarts, J. (1998). *Children with autisme: diagnosis and interventions to meet their needs*. London: Jessica Kingley Publisher.

Wing, L. (1976) (ed.). *Early childhood austism: clinical, educational and social aspects*. Oxford: Pergamond Press.

Zalizan Mohd Jelas. (2000). *Pendidikan inklusif: satu kajian kes*. Kertas kerja Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.